



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	SINAR HARIAN
TARIKH	:	3/12/2019
JABATAN	:	PERHILITAN
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN

Bukan disebabkan bencana

Fenomena burung hijrah berlaku adalah untuk mencari makanan

NURUL HIDAYAH HAMID

ALOR SETAR

Fenomena burung hijrah yang berlaku bukanlah disebabkan bencana tetapi hanya untuk mencari makanan.

Pengarah Perhilitan Kedah, Jamalun Nasir Ibrahim berkata, pihaknya menafikan dakwaan kejadian migrasi burung meru-

pakan fenomena tidak baik.

Menurutnya, kumpulan burung berhijrah dari hemisfera utara ke hemisfera selatan hanya untuk mencari sumber makanan.

"Disebabkan cuaca sejuk di negara asal, maka kumpulan burung berkenaan berhijrah ke Australia.

"Bagaimanapun, dalam perjalanan ke sana burung berkenaan singgah sementara di negara kita untuk mendapatkan makanan," katanya di sini.

Beliau berkata, Kedah bukanlah satu-satunya negeri mencatatkan kehadiran dan menjadi pilihan burung yang bermigrasi.

"Negeri lain juga menjadi lokasi persinggahan memandangkan kawasan



Kumpulan burung memenuhi petak sawah padi di Kampung Alor Melong di Alor Setar.

yang menjadi pilihan burung berkenaan tidak tetap sebaliknya ia bergantung kepada sumber makanan yang ada," katanya.

Tinjauan Sinar Harian di sekitar bandaraya Alor Setar mendapati ada kumpulan burung itu dikesan bertaburan sekitar Simpang Kuala selain memenuhi petak sawah padi

termasuklah di Tandop dan Kampung Alor Melong di sini sejak beberapa minggu ini.

Melalui pemerhatian, burung berkenaan menyerupai bangau namun berwarna kelabu dengan kepak berwarna hitam dan saiznya lebih besar sedikit. Sebelum ini, Sinar Harian melaporkan Genting

Malaysia Bhd (Genting Malaysia) membuat penafian penyebaran rakaman video sekumpulan burung helang di kawasan pusat perancangan yang ditularkan di aplikasi WhatsApp sebagai berita palsu.

Presiden Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS), Prof Dr Ahmad Ismail pula menjelaskan

burung yang ditularkan ialah jenis Burung Asian Open Bill Stork yang berhijrah dari hemisfera utara.

Katanya, burung berkenaan dapat dilihat di kiri dalam sawah padi selepas Plaza Tol Pendang dan dipercayai membantu petani mengawal siput gondang emas yang merupakan perosak padi di Kedah.